



Yang di-Pertuan Negara Meletakkan Batu Asas Bangunan Rumah Anak-anak Yatim Hajat Umat Islam Singapura Yang Didamkan Sekian Lama Telah Berhasil

Yang di-Pertuan Negara Singapura, Encik Yusof bin Ishak, telah selamat meletakkan batu asas bangunan rumah anak-anak yatim pada bulan yang lalu.

Istiadat yang meriah telah dihadiri oleh orang-orang Islam dari berbagai kaum dan juga orang-orang yang bukan Islam.

Bangunan yang memakan belanja \$160, 000 itu bertempat di Metro Road, Off Aljunied Road. Rancangan yang mulia ini telah dijayakan oleh Muslimin Trust Fund, yang telah berusaha memungut khairat dan derma bantuan dari orang Islam dan yang bukan Islam.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Rumah Anak-anak Yatim, Tuan Syed Omar bin Abdul Rahman Alsagoff, bahawa rancangan rumah anak-anak yatim masih kekurangan wang untuk menjayakannya dan berharap kepada bantuan dermawan-dermawan dari segala peringkat.

Seruan Yang di-Pertuan Negara

Dalam ucapannya, dalam majlis yang bersejarah bagi umat Islam Singapura, Yang di-Pertuan Negara telah menyeru umat Islam supaya memberi bantuan kepada usaha yang mulia itu, kerana anak-anak yatim wajib mendapat pelajaran dan didikan yang baik, untuk menjadi warganegara yang berguna untuk masyarakat dan negara.

Beliau juga telah menegaskan tentang mustahak kerajaan Singapura memberi bantuan yang selayaknya sesuai dengan dasar pemerintah yang sedang berusaha dalam lapangan pembangunan negara Singapura.

Gambar menunjukkan istiadat ditamatkan dengan membaca doa, yang dibaca oleh Tuan Haji Sanusi Mahmud, Hakim Mahkamah Syariah, dengan diaminikan oleh Yang di-Pertuan Negara (di tengah-tengah) dan sekalian hadirin dari kalangan umat Muslimin.

* * *

*Yang di-Pertuan Negara Singapura, Encik
Yusof bin Ishak, ketika tiba di majlis meletakkan
batu asas bangunan rumah anak-anak yatim Singapura.*

*Bawah: Dif-dif dari berbagai kaum Islam
dan yang bukan Islam sedang mendengar ucapan
Yang di-Pertuan Negara dalam majlis yang bersejarah itu.*

* * *

